

AKU JANJI PERAKUAN PESERTA KURSUS LAB MINDA KEUSAHAWANAN

Aku Janji (Perakuan Peserta) ini dibuat pada hb 2013 bertempat di **Pusat Keusahawanan UMP**.

Saya _____
No Pelajar: _____ No. K/P _____ (dan dengan ini disebut 'Peserta') yang beralamat tetap di _____

dengan ini bersetuju menerima tawaran untuk mengikuti **KURSUS LAB MINDA KEUSAHAWANAN** yang dikendalikan oleh Pusat Keusahawanan dengan peruntukan **RM 100.00 (RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS SAHAJA)** yang dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi tempoh 3 hari dari _____ hingga _____ seperti yang tercatat di dalam surat tawaran.

Saya berjanji bahawa:-

- i. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh sepanjang kursus ini dijalankan dan mengikutinya sehingga tamat kursus
- ii. Saya TIDAK akan meninggalkan kursus ini pada bila-bila masa sepanjang kursus dijalankan dalam apa jua situasi sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pusat Keusahawanan UMP. Saya akan membayar semua kos perbelanjaan yang telah dibiayai oleh UMP sekiranya meninggalkan kursus ini dengan apa jua alasan sekalipun.
- iii. Saya akan mengikuti dengan jayanya semua latihan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh Pusat Keusahawanan UMP serta akur dengan segala peraturan dan keputusan yang telah ditetapkan / dibuat oleh kedua-dua pihak dari masa ke semasa
- iv. Saya akan memaklumkan sebarang masalah yang dihadapi semasa menjalani program ini kepada Pusat Keusahawanan UMP mengikut kesesuaian dan ketepatan permasalahan yang sedang dihadapi
- v. Saya akan sentiasa menjaga dan memelihara sebarang maklumat yang boleh dikategorikan sebagai rahsia oleh Pusat Keusahawanan UMP sepanjang masa
- vi. Saya TIDAK akan menyalurkan atau menyampaikan sebarang maklumat yang boleh memberi implikasi negatif kepada mana-mana pihak terutamanya Pusat Keusahawanan UMP dalam apa jua bentuk dan keadaan sekalipun dan saya TIDAK akan menjadi alat bahan sebaran bagi tujuan tersebut kepada mana-mana individu samada sengaja ataupun tidak sengaja

- vii. Saya akan mematuhi segala peraturan yang dikeluarkan oleh Pusat Keusahawanan UMP dari masa ke semasa dan sentiasa menjaga nama baik UMP dan Kementerian Pegajian Tinggi Malaysia serta sentiasa mematuhi Rukun Negara Malaysia
- viii. Saya tidak mengalami sebarang penyakit yang boleh menjejaskan dan memudaratkan diri saya sepanjang kursus dijalankan. Saya juga mengakui bahawa saya sihat dan berkemampuan untuk menjalani kursus ini. Saya juga mengakui bahawasanya saya tidak mengidap sebarang penyakit dan saya bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya masalah-masalah yang berkaitan dengan kesihatan berlaku keatas diri saya sepanjang kursus ini dijalankan.
- ix. Saya mengakui bahawasanya saya tidak tersabit dalam mana-mana tindakan undang-undang dan muflis serta mengakui bahawa saya tidak terlibat dalam mana-mana kegiatan jenayah dan kes-kes yang boleh dikaitkan dengannya. Saya juga tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana kes jenayah sepanjang kursus dijalankan. Saya mengakui saya bebas daripada sebarang pertuduhan dari mahkamah atau mana-mana pihak yang berkaitan. Saya bertanggungjawab keatas segala pertuduhan dan kes yang berkaitan dengan diri saya sepenuhnya tanpa melibatkan mana-mana pihak disamping menjaga nama baik Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pihak Penyedia Latihan dan Kerajaan Malaysia.

Disahkan Oleh:

.....
Tandatangan
()
Nama Peserta
No Kp:
Tarikh:

.....
Pegarah
Pusat Keusahawanan
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh: